

Pengaruh Islam Ke Atas Peribahasa Arab Dan Peribahasa Melayu

Nik Radhiah Nik Ali¹, Kamarul Shukri Mat Teh²

Sk Islah¹, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin²

nickrusydi@yahoo.com¹, kamarul@unisza.edu.my²

ABSTRAK

Peribahasa merupakan warisan turun temurun yang masih diguna pakai sehingga ke hari ini. Orang Arab dan Melayu mengambil berat tentang peribahasa agar warisan ini tidak hilang ditelan arus kemodenan. Orang Arab dan Melayu mempunyai ikatan agama yang satu, iaitu agama Islam. Islam memberi impak yang cukup besar ke atas sosio, budaya dan kesusastraan. Ini jelas dilihat pada perubahan yang berlaku ke atas peribahasa Arab dan Melayu sebelum dan selepas kedatangan agama Islam.

Kata Kunci: Islam, peribahasa Arab, peribahasa Melayu, kesan, budaya.

Influence Of Islam On Arabic Proverbs And Malay Proverbs

ABSTRACT

Proverbs are the legacy of generations that still applicable to this day. Arabs and Malays care about this heritage not to be lost in the modern world. Arab and Malays have religious bond of Islam. Islamic considerable impact on socio, culture and literature. This was reflected in the changes that occur over the Arab and Malay proverbs before and after the advent of Islam.

Keyword: Islamic, Arab proverbs, Malay proverbs, effects, culture.

PENDAHULUAN

Peribahasa merupakan warisan nenek moyang sejak dahulu kala. Setiap masyarakat mempunyai peribahasa mereka yang tersendiri. Begitu juga masyarakat Arab dan masyarakat Melayu. Peribahasa Arab dan Melayu mempunyai hubungan yang rapat disebabkan anutan agama yang sama, iaitu agama Islam. Sebelum Islam hadir meninari Tanah Arab, kebanyakan peribahasa menggambarkan budaya masyarakat Arab yang bercanggah dengan ajaran Islam. Ini termasuklah menanam anak perempuan, pembunuhan upahan, menghidangkan tetamu dengan darah dan sebagainya. Orang Melayu pula terlalu taksub dengan adat dan bergantung kepada nasib tanpa usaha. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan Tanah Arab bukan sekadar memberi impak kepada kepercayaan masyarakatnya, bahkan ia turut mempengaruhi bidang sastera terutamanya peribahasa.

ANTARA PENGARUH ISLAM KE ATAS PERIBAHASA ARAB

1. Penggunaan lafaz “Allah” dalam peribahasa.

Contohnya: ﴿اللَّهُ أَعْلَم﴾“Allah mengurniakannya lidah yang baik” iaitu puji yang baik kepada seseorang (al-Maydaniy, 2004: 2/ 10), ﴿كَوَافِرُهُ الْأَنْجَلُ﴾“Ke atasnya dari Allah kesan yang baik” iaitu kiasan kepada kesan yang baik (al-Maydaniy, 2004: 2/ 44).

2. Lahir peribahasa yang mengingati kematian, keimanan dan berserah kepada Allah.

Peribahasa: “عِنْدَ اللَّهِ لَحْمُ حَبَارَيَاتٍ” iaitu kiasan kepada hajat yang tidak kesampaian (al-Maydaniy, 2004: 2/ 20). Terdapat juga peribahasa yang menyebut tentang ajal: “عَرَفْتَنِي نَسَأْهُ اللَّهُ” Allah telah melewatkannya kematianku” iaitu Allah berkuasa melambatkan kematian seseorang (al-Maydaniy, 2004: 2/ 12). Peribahasa yang menyeru kepada bertawakkal kepada Allah seperti: “أَعْقَلْ وَتَوَكَّلْ” Ikatlah kemudian bertawakkallah” iaitu seruan supaya berusaha mengikat unta terlebih dahulu, kemudian menyerahkan segalanya pada Allah (al-Maydaniy, 2004: 2/ 32).

Islam bukan sekadar menyuruh umatnya menyerah kepada Allah semata-mata, tetapi hendaklah diikuti dengan usaha gigih. Peribahasa: في الله تعالى عوض عن كل فائت bermaksud “Allah taala menggantikan setiap yang berlalu” iaitu kiasan kepada kemampuan Allah menggantikan sesuatu yang telah tiada. Peribahasa ini diucapkan oleh Umar bin Abdul Aziz (al-Maydaniy, 2004: 2/ 96). Peribahasa yang mendoakan kebaikan ke atas saudaranya seperti: قَمَّقَ اللَّهُ عَصْبَهُ “Menambahkan Allah bilangan kaum kerabatnya” iaitu kiasan kepada doa yang baik supaya Allah menambahkan ahli kerabatnya (al-Maydaniy, 2004: 2/ 128).

Islam bukan sekadar menyuruh umatnya menyerah kepada Allah semata-mata, tetapi hendaklah diikuti dengan usaha gigih. Peribahasa: في الله تعالى عوض عن كل فائت bermaksud “Allah taala menggantikan setiap yang berlalu” iaitu kiasan kepada kemampuan Allah menggantikan sesuatu yang telah tiada. Peribahasa ini diucapkan oleh Umar bin Abdul Aziz (al-Maydaniy, 2004: 2/ 96). Peribahasa yang mendoakan kebaikan ke atas saudaranya seperti: قَمَّقَ اللَّهُ عَصْبَهُ “Menambahkan Allah bilangan kaum kerabatnya” iaitu kiasan kepada doa yang baik supaya Allah menambahkan ahli kerabatnya (al-Maydaniy, 2004: 2/ 128).

Peribahasa yang menyebut tentang keimanan seperti: قَيْدُ الْإِيمَانِ الْفَتَكُ “Sekatan iman ialah pembunuhan upahan” iaitu kiasan kepada Islam milarang melakukan pembunuhan. Peribahasa ini adalah sabda nabi Muhammad SAW (al-Maydaniy, 2004: 2/ 129).

Peribahasa Arab berbunyi بَلَغَ اللَّهُ بِكَ أَكْلَالُ الْعُمرِ “Allah telah memanjangkan umur kamu” (al-Maydaniy, 2004: 1/ 154). Allah yang memberi rezeki kepada manusia seperti peribahasa جعل الله رزقه فوت فمه “Allah menjadikan rezekinya berlalu dari mulutnya” iaitu walaupun rezeki berada dekat dengannya tidak akan menjadi miliknya tanpa keizinan Allah (al-Maydaniy, 2004: 1/ 231). Antara sifat mulia di sisi agama Islam ialah sifat malu seperti peribahasa Arab الحياة من الدين النصيحة “Malu itu sebahagian dari iman” (al-Maydaniy, 2004: 1/ 274). Peribahasa Agama itu nasihat” (al-Maydaniy, 2004: 1/ 345) pula menjelaskan Islam menyeru umatnya saling menasihati antara satu sama lain. Begitu juga peribahasa زادَ اللَّهُ رِعَاةً كُلَّمَا ازْدَدَتْ مَثَلَةً “Allah menambahkan kebodohan tatkala bertambah hartanya” (al-Maydaniy, 2004: 1/ 408). Peribahasa شَارَوْرِيْنَ فِي أَمْرِكَ الْذِينَ يَخْشَوْنَ اللَّهَ “Bermesyuaratlah bagi urusanmu bagi orang-orang yang takut kepada Allah” (al-Maydaniy, 2004: 1/ 471).

3. Lahirnya peribahasa al-Quran yang mempunyai lafadz yang lembut, gaya bahasa baik dan meresap ke dalam jiwa.

Contoh peribahasa al-Quran, sebagaimana firman Allah:

وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمُ عُمْيٌ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ.

Maksudnya: Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu, dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya. (Surah al-Baqarah, 2: 171).

Kepentingan peribahasa al-Quran ialah sebagaimana berikut:

- 1) Peribahasa al-Quran digunakan untuk menerangkan sifat sesuatu seperti menerangkan tentang syurga dan sifat-sifatnya. Contohnya firman Allah S.W.T:

مَثُلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُقْتُولُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَاءٍ عَيْرٍ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَعَيَّنْ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ حَمْرٍ لَذَّةٌ لِلشَّارِيْنَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَبَّقٍ وَهُنْمٌ فِيهَا مِنْ كُلِّ التَّعْرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ.

Maksudnya: Sifat syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa (ialah seperti berikut): ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), serta beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat, bagi orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan ada pula di sana segala jenis buah-buahan, serta keredhaan dari tuhan mereka. Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam syurga yang sedemikian itu keadaannya. (Surah Muhammad, 26: 15).

- 2) Peribahasa digunakan sebagai pengajaran dan peringatan. Contohnya Allah Taala menerangkan tentang Firaun dan kaumnya dengan firmanya:

فَحَكَّنُهُمْ سَلَّقًا وَمَثَلًا لِلأَخْرِيْنَ.

Maksudnya: Maka kami jadikan mereka contoh dan pengajaran bagi orang-orang yang datang kemudian. (Surah Al-Zhukhruf, 25: 56).

- 3) Peribahasa digunakan untuk menerangkan perkara-perkara ghaib dan pelik. Contohnya Allah Taala menerangkan tentang Nabi Isa Allaihissalam:

وَقَالُوا إِعْلَمُنَا خَيْرٌ أَمْ هُوَ مَا ضَرَبْتُهُ لَكَ إِلَّا جَدَّلًا بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِيمُونَ إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَاهُ مَثَلًا لِيَنِي إِسْرَائِيْلَ.

Maksudnya: Dan mereka berkata lagi: "Manakah yang lebih baik, benda –benda yang kami sembah atau Isa?" Dan sebenarnya mereka tidak mengemukakan perbandingan itu kepadamu (wahai Muhammad) melainkan kerana membantah semata-mata (bukan kerana mencari kebenaran); bahkan mereka itu adalah kaum yang suka sekali mengemukakan bantahan. Nabi Isa itu tidak lain hanyalah seorang hamba yang telah kami kurniakan nikmat kepadanya (dengan pangkat nabi), dan kami jadikan dia satu contoh (kekuasaan kami yang menakjubkan) bagi kaum Bani Israil. (Surah al-Zhukhruf, 25: 58-59).

- 4) Peribahasa digunakan untuk menyamakan sesuatu yang ganjil dengan benda ganjil yang lain. Contohnya firman Allah Taala:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ إَدَمَ حَلْقَةٌ مِنْ ثُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya: Sesungguhnya perbandingan (kejadian) nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti kejadian nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia. (Surah al-Imran, 3: 59)

5) Peribahasa juga sebagai cara menggalakkan manusia supaya bersedekah di jalan Allah. Contohnya firman Allah Taala:

مَثُلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ أَنْبَتْ سَبْعَ سَبَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ.

Maksudnya: Bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai : tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang mengkehendakinya, dan Allah Maha Luas kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya. (Surah al-Baqarah, 2: 261)

6) Peribahasa digunakan di dalam al-Quran untuk menakutkan atau menerangkan akibat orang-orang zalim dan orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir walaupun mereka menderma sebahagian daripada hartanya, maka tidak dikira dermanya itu disebabkan kekufuran mereka dan di akhirat mereka akan menerima azab yang pedih.

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُ الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَجَحَتْ تِحَارُثُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهَتَّدِينَ مَثَلُهُمْ كَمَثَلَ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكُهُمْ فِي ظُلُمَتِ لَا يُبَصِّرُونَ.

Maksudnya: Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah. Perbandingan hal mereka (golongan munafik itu) samalah seperti orang-orang yang menyalaikan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya(tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya yang menerangi mereka, dan biarkannya mereka dalam gelap gelita tidak dapat melihat (sesuatu pun). (Surah al-Baqarah, 1: 16-17)

7) Peribahasa di dalam al-Quran digunakan untuk menerangkan gelaran yang buruk diberikan bagi orang yang berilmu, tetapi dia beramal dengan ilmunya itu. Bahkan dia termasuk dari kalangan orang-orang yang rugi.

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ أَنْ تَخْمِلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَسْرُكُهُ يَلْهَثُ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِاِيمَانِنَا فَاقْصُصِ الْفَقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ.

Maksudnya: Dan kalau kami kehendaki nescaya kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi ia bermati-mati cenderong kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing: jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau mebiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami. Maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir. (Surah al-Araf, 9: 176)

4. Lahirnya peribahasa yang menyeru kepada peperangan menegakkan Islam.

Pada zaman Jahiliyyah, peribahasa Arab banyak menyebut tentang padang pasir dan haiwan seperti unta, dab, anjing dan sebagainya. Selepas Islam berkembang, mereka masih menggunakan haiwan tersebut, tetapi didatangkan dalam bentuk kiasan kepada manusia itu sendiri. Pada waktu itu, peribahasa yang menggambarkan padang pasir semakin berkurangan. Ini mungkin disebabkan orang Arab taksub dengan peperangan menentang orang kafir dan berjuang di jalan Allah. Terdapat 93 peribahasa tentang Hari Islam dan Jihad yang disebut dalam Majma^c al-Amthal. Antaranya , “Hari al-A’shirah”, “Hari al-Badr” ، يوم العشرة ،“Hari al-Khandak” (al-Maydaniy, t.t:2/ 444-448).

5. Lahirnya peribahasa yang mengangkat martabat wanita.

Adat Jahiliyyah seperti membunuh anak perempuan, minum arak dan menyembah berhala telah terhapus dengan kedatangan Islam. Sebelum Islam kebanyakan peribahasa Arab merendahkan kedudukan wanita dan menganggap mereka sebagai tempat hiburan semata-mata.

Wanita digambarkan mempunyai kekurangan, mendatangkan keaiban dan sumber kejahatan. Tidak tenang fikiran lelaki melainkan dengan kematiannya. Mereka dilahirkan hanya sebagai alat pemuis nafsu lelaki dan permainan mereka. Tanggungjawab wanita ialah memberi hiburan kepada kaum lelaki dan mengabdikan diri kepada mereka. Tugas utama mereka ialah memberi keseronokkan kepada lelaki dan melahirkan anak. Begitulah kedudukan wanita Arab pada zaman Jahiliyyah. Kaum lelaki diingatkan supaya berhati-hati menurut perintah wanita. Mengikut suruhan wanita membawa kepada penyesalan sebagaimana peribahasa: طاعة النساء ندامة “Taat kepada wanita adalah penyesalan” (al-Maydaniy, 1972: 1/544).

Peribahasa Arab juga menggambarkan wanita sebagai manusia yang bodoh, contohnya peribahasa: أحمق من جهزة ، Lebih bodoh daripada Juhaiyah” (al-Maydaniy, 1972: 1/ 282). Peribahasa yang menggambarkan kelemahan wanita: إن Wanita seperti daging yang terdedah” (al-Maydaniy, 1972: 1/19).

Selepas kedatangan Islam golongan wanita telah diangkat mertabat dan kedudukan mereka. Sebagaimana peribahasa: المرأة شفائق الأقوام ” Wanita itu kawan lelaki” iaitu wanita setaraf dengan golongan lelaki (al-Maydaniy, t.t:1/ 29). Diberikan bagi wanita kewajipan dan hak-hak tertentu.

6. Terbitnya buku peribahasa al-Quran dan peribahasa hadith al-Nabawi.

Kehadiran Islam membantu perkembangan pembukuan peribahasa Arab. Ini dapat dilihat terbitnya buku-buku yang berkaitan peribahasa al-Quran dan peribahasa al-Hadith al-Nabawi. Contohnya buku peribahasa Hadith Nabawi oleh al-Fayyad

Rumusannya, Islam memberi kesan ke atas peribahasa Arab dengan lahirnya peribahasa yang menyeru kepada bertakwa kepada Allah, peribahasa al-Quran, peribahasa hadith al-Nabawiy, peribahasa yang menyeru kepada peperangan menegakkan agama Islam dan peribahasa yang mengangkat kedudukan wanita.

Islam bukan sekadar memberi kesan ke atas peribahasa Arab sahaja, bahkan ia turut mempengaruhi peribahasa Melayu. Islam membawa pengaruhnya yang cukup besar ke atas peribahasa Melayu. Sebelum Islam hadir ke Tanah Melayu, kebanyakan peribahasa Melayu memaparkan sikap bangsa Melayu yang menyalahi agama Islam seperti melaga ayam, percaya kepada nasib, berpegang teguh kepada adat dan sebagainya.

Islam memberi sinar baru kepada masyarakat Melayu dan ini jelas dilihat pada isi kandungan peribahasa Melayu yang tercipta dengan kehadiran agama Islam. Antara perubahan yang berlaku ke atas peribahasa Melayu adalah sebagaimana berikut:-

KESAN ISLAM KE ATAS PERIBAHASA MELAYU.

1. Tidak mementingkan adat semata-mata.

Apabila orang Melayu memeluk agama Islam, mereka berkata, “Adat bersendikan Kitab” (Abdullah, 1982: 3) maka itulah pedoman hidup Melayu bermasyarakat yang dibentuk oleh Islam dan amalan Melayu yang sesuai sebelum Islam. Apabila orang Melayu berkata “Biar mati anak jangan mati adat” (Abdullah, 1982: 47) itulah prinsip peraturan undang-undang atau pandangan Melayu tentang kedaulatan hukum. Apabila orang Melayu berkata “Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah” (Abdullah, 1982: 163), ini adalah akal budi Melayu tentang keadilan pemerintah yang dibentuk oleh prinsip keadilan Islam dan prinsip keadilan Melayu seperti yang diungkapkan melalui kata-kata bernas “Biar mati anak jangan mati adat” (Abdullah, 1982: 47).

Kedatangan Islam menyebabkan orang Melayu bukan sekadar mementingkan adat semata-mata, tetapi adat dan hukum agama berjalan seiringan. Maka lahirlah peribahasa “Adat bersendi syara’, syara’ bersendi kitabullah” iaitu adat berkait dengan syara’ dan syara’ berkait dengan adat (Abdullah, 1982: 3). Begitu juga peribahasa “Adat bersendi syara’, syara’ bersendi adat” (Abdullah, 1982: 2). Kehidupan masyarakat Melayu berlandaskan hukum agama dan adat, sebagaimana peribahasa “Hukum berdiri dengan sakti, adat berdiri dengan tanda” (Abdullah, 1982: 83) dan peribahasa “Hukum yang rata, adat yang datar” (Abdullah, 1982: 83). Peribahasa menunjukkan kebaikan terdapat pada agama dan adat.

2. Tidak mementingkan darjah dan kedudukan.

Masyarakat Melayu juga mementingkan darjah dan pangkat. Mereka menghormati golongan kaya dan berpengaruh dan memandang hina golongan miskin. Contohnya peribahasa “Burung pipit sama enggang, mana boleh sama terbang” (Abdullah, 1982: 53) dan “Pipit meminang anak enggang” (Abdullah, 1982: 160). Pipit adalah kiasan kepada orang miskin, manakala enggang umpsama orang kaya. Orang kaya dilarang berkahwin dengan orang miskin kerana kedudukan tidak setara. Masyarakat Melayu akan mengahwinkan anak perempuan mereka dengan golongan berada bagi memastikan kebahagiaan hidup.

Islam menghapuskan pemikiran Melayu yang mementingkankekayaan harta. Golongan kaya dan miskin adalah hamba Allah dan mempunyai kedudukan yang sama di sisinya. Tiada perbezaan antara warna kulit, harta dan pangkat. Semua manusia adalah sama dan saling tolong menolong.

3. Lahir peribahasa yang mementingkan ilmu agama.

Islam juga mementingkan ilmu dan menggalakkan masyarakatnya menimba ilmu sehingga ajalnya. Pengaruh Islam ini terjelma dalam perumpamaan Melayu “Berbilang dari esa, mengaji dari alif” (Abdullah, 1982: 34).

4. Penggunaan perkataan Arab dalam peribahasa Melayu.

Antara kesan Islam ialah kemasukan beberapa perkataan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu seperti qalam, salih, fasik, bilal dan sebagainya. Perkataan-perkataan tersebut turut digunakan dalam peribahasa. Contohnya “Syak yakin, yakin salih” (Abdullah, 1982: 198) dan “Seperti unta menyerahkan diri” (Abdullah, 1982: 190). Begitu juga peribahasa “Laksana barang derham, sedia ada suratan Istanbul” (Abdullah, 1982: 114). Perkataan “unta” dan derham” asalnya daripada negara Arab, tetapi digunakan dalam peribahasa Melayu kesan dari agama Islam.

5. Tidak menyerah kepada nasib semata-mata.

Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu amat mementingkan nasib. Menurut Senu (1971) mengikut kepercayaan Melayu, mereka tidak perlu berusaha dalam hidup kerana semuanya bergantung kepada nasib semata-mata. Setiap perkara berlaku mengikut takdir dan tidak dapat diubah. Contohnya peribahasa “Kalau bukan rezeki, di mulut lari keluar” (Abdullah, 1982: 96). Manakala peribahasa “Secubit tiada dapat menjadi segenggam” (Abdullah, 1982: 172) dan “Kuda itu kuda juga keledai itu keledai juga” (Abdullah, 1982: 110) menunjukkan rezeki manusia ditentukan oleh nasib. Walau sekutu mana mereka berusaha, tetap tidak mampu mengubah nasib buruk yang ditentukan. Kepercayaan ini adalah kesan daripada pengaruh Hindu yang menguasai pemikiran Melayu.

Mereka berpendapat bahawa manusia tidak perlu berusaha kerana nasib telah tersurat. Ini menyebabkan mereka malas berusaha dan hanya berserah kepada nasib semata-mata. Contohnya peribahasa: “Secubit tiada dapat menjadi segenggam” (Abdullah, 1982: 172). Rezeki yang sedikit tidak mungkin bertambah walau usaha keras telah dilakukan. Peribahasa “Duri di hutan siapa pertajam” iaitu kekuasaan tuhan tidak ada batasnya (Abdullah, 1982: 68). Kita disarankan berserah kepada Allah selepas berusaha sebagaimana peribahasa “Habis akal baru tawakal” sesudah habis semua ikthiar hendaklah berserah diri kepada tuhan (Abdullah, 1982: 74). Peribahasa Melayu “Makan masak mentah” menunjukkan orang yang tidak menghiraukan halal dan haram (Abdullah, 1982: 123). Ajal dan maut seseorang hamba adalah di bawah kekuasaan Allah seperti peribahasa “Mati tidak kerana sumpah, hidup tidak kerana kaul” (Abdullah, 1982: 128).

Selepas Islam berkembang di tanah Melayu, masyarakat Melayu mula percaya kepada Qada' dan Qadar Allah. Kehidupan manusia ditentukan oleh qada' dan qadar, tetapi manusia tetap diseru supaya berusaha dalam kehidupan mereka. Mengikut Islam, sejak kelahiran lagi, manusia tidak terikat dengan nasib, mereka menjalani kehidupan mengikut perbuatan mereka sendiri. Allah memberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih jalan baik atau buruk. Mereka bertanggungjawab di atas perbuatan mereka sendiri. Allah telah menjanjikan balasan baik bagi mereka yang melakukan kebaikan di dunia dan balasan buruk bagi amalan jahat.

6. Lahir peribahasa yang menyebut tentang kematian.

Al-Quran dan hadis banyak menyebut tentang kematian. Peribahasa Melayu juga menyebut tentang kematian dan menggantikan hal-hal duniawi. Contohnya peribahasa “Padam nyala, tarik puntung” (Suradi, 1990: 211) dan peribahasa “Sebelum ajal, berpantang mati” iaitu tidak mati seseorang melainkan tiba ajalnya (Abdullah, 1982: 171). Kematian itu dalam pengetahuan Allah dan manusia akan mati apabila tiba ajalnya.

Kematian merupakan perkara yang akan dihadapi oleh manusia. Masa akan berlalu dan begitu juga dengan manusia akan berlalu dan mati seperti peribahasa “Memakai dunia berganti-ganti, yang hidup sesarkan mati, dengan mati itu ternanti-nanti” (Abdullah, 1982: 129). Peribahasa “Peleleh bawah luruh, peleleh atas jangan gelak” (Suradi, 1990: 218). Peleleh atas dikiaskan kepada orang muda dan peleleh bawah adalah kiasan kepada orang tua. Maksudnya kematian itu akan menemui sesiapa sahaja tidak kira tua atau muda.

7. Peribahasa menyentuh ajaran Islam.

Terdapat juga dalam peribahasa Melayu tentang ajaran Islam seperti solat, al-Quran, kiamat, talak dan sebagainya. Contohnya peribahasa “Sembahyang diberi berwaktu, janji diberi berketika” iaitu setiap perbuatan mempunyai had waktu untuk menjadikannya sempurna

(Abdullah, 1982: 176) dan peribahasa “Sembahyang mencari akal, rukuk mencari kira-kira” (Abdullah, 1982: 176).

Sebagai rumusannya, kedatangan Islam ke Tanah Melayu bukan sekadar memberi sinar baru kepada masyarakat Melayu, bahkan Islam turut memberi kesan ke atas sastera Melayu terutamanya peribahasa Melayu. Antara kesan Islam dalam peribahasa Melayu ialah lahirnya peribahasa yang menyebut tentang keimanan kepada Allah, peribahasa yang mengigatkan masyarakat Melayu tentang kematian, peribahasa yang menggunakan haiwan yang hidup di Timur Tengah seperti unta dan peribahasa yang menyebut tentang bertawakal kepada Allah.

KESIMPULAN

Islam bukan sahaja mempengaruhi pegangan hidup dan kepercayaan masyarakat Arab dan Melayu semata-mata, bahkan kesannya turut mempengaruhi adab sastera masyarakat Arab dan Melayu. Ini dapat dilihat dengan perubahan yang berlaku dalam peribahasa Arab dan Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam. Antara pengaruh Islam dalam peribahasa Arab dan peribahasa Melayu ialah penggunaan kalimah “Allah” dalam peribahasa Arab dan Melayu, peribahasa yang menyeru kepada pegangan agama Islam, peribahasa yang menyebut kematian dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. 1982. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. cetakan 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- al-Maydaniy. Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1972. *Majma` al-Amthal*. ed: Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid. Kaherah: Percetakan Dar al-Fikr.
- al-Maydaniy. Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1977. *Majma` al-Amthal*. ed: Nai'm Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Maydaniy. Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 1988. *Majma` al-Amthal*. ed: Naim Hussin Zarzur. cetakan 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Maydaniy. Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. 2004. *Majma` al-Amthal*. ed: Na'im Hussin Zurzur. Beirut: Percetakan Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Maydaniy. Abu: al-Fadl Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. t.thh. *Majma` al-Amthal*. ed: Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Senu Abdul Rahman. 1971. *Revolusi Mental*. cetakan 1. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Suradi Parjo. 1990. *Peribahasa Warisan*. cetakan 1. Singapura: Pustaka Nasional. Pte. Ltd.